



MOHD HAIDI MOHD KASRAN

Penerapan Nilai Murni Menerusi *Antologi Puisi Tanah Airku* dalam Kalangan Peserta Program Latihan Khidmat Negara di Malaysia

RESUME: Kajian ini merupakan penelitian dan apresiasi terhadap nilai-nilai murni yang terdapat dalam "*Antologi Puisi Tanah Airku*", satu program penghayatan sastra dan budaya bagi PLKN (Program Latihan Khidmat Negara) di Malaysia. Puisi yang dihasilkan oleh penyair-penyair Tanah Air akan dianalisis sebagai salah satu kurikulum kepada proses pembentukan nilai dalam diri dan jiwa para pelatih PLKN, yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, dan agama. Kajian ini hanya merujuk kepada penghasilan karya puisi moden (sajak) yang terkandung dalam "*Antologi Puisi Tanah Airku*". Kajian ini menganalisis beberapa sajak yang lebih dominan, dengan nilai-nilai sejagat yang dipilih menjadi fokus analisis dalam kajian. Kajian ini juga merupakan suatu penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif, dengan menganalisis karya-karya sajak yang diterapkan berdasarkan kepada penggunaan konsep nilai yang diteliti dengan Teknik Bacaan Rapi. Setiap sajak yang dibaca akan dianalisis isi kandungannya, dengan berlandaskan konsep nilai yang dilihat daripada perspektif Islam, Melayu, dan Barat, dengan mengambil lima elemen nilai sejagat, iaitu: patriotisme, perpaduan, kekeluargaan, kerjasama, dan nilai luhur. Dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur penerapan nilai murni sejagat di dalam sajak-sajak pilihan.

KATA KUNCI: Apresiasi puisi, nilai-nilai murni, *Antologi Puisi Tanah Airku*, teknik bacaan rapi, Islam, Melayu, dan Barat, serta elemen nilai sejagat.

ABSTRACT: "Application of Values through 'Poetry Anthology on My Motherland' for the Participants of National Service Training Program in Malaysia". This study is carried out to analyse the values enclosed in "*Antologi Puisi Tanah Airku*" (Poetry Anthology on My Motherland), a literature and culture appreciation for the National Service Training Programme in Malaysia. The poems in "*Poetry Anthology on My Motherland*" which are composed by the local poets will be examined as an avenue to infuse excellent intrinsic worth into National Service Trainers, who come from various race, culture, and religion. This study refers only to the production of modern poetry contained in the "*Poetry Anthology on My Motherland*". This study analyzes some of the more dominant poems, with universal values selected to be the focus of analysis in the study. This study is a qualitative research method to analyze the works of poetry that are applied based on the concept of the assessed value of Close Reading Technique. Each poem is read and then analyzed the content based on the concept of perceived value from the perspective of Islam, Malays, and the West, by taking the five universal elements, namely: patriotism, unity, family, co-operation, and the sublime. The findings of the analysis showed that there are elements of universal moral values in the selected poems.

KEY WORD: Poems' appreciation, good values, *Poetry Anthology on My Motherland*, close reading technique, Islam, Malays and Western, and universal moral values.

About the Author: Dr. Mohd Haidi Mohd Kasran ialah Pensyarah Kanan di IPG (Institut Pendidikan Guru) Kampus Sultan Mizan, 22200 Besut, Terengganu Darul Iman, Malaysia. Penulis boleh dihubungi secara terus via emel di: ihaidi_ipr@yahoo.com

How to cite this article? Mohd Kasran, Mohd Haidi. (2015). "Penerapan Nilai Murni Menerusi *Antologi Puisi Tanah Airku* dalam Kalangan Peserta Program Latihan Khidmat Negara di Malaysia" in *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.8(1) Mei, pp.21-28. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, UNHAS Makassar, and UNIPA Surabaya, ISSN 1979-0112. Available online also at: <http://sosiohumanika-jpsk.com/03-penerapan-nilai-murni/>

Chronicle of the article: Accepted (February 3, 2014); Revised (June 25, 2014); and Published (May 30, 2015).

PENDAHULUAN

Nilai ialah satu konsep yang bersifat nyata dan berselindung untuk menerangkan apa yang disukai atau tidak disukai oleh seseorang ataupun kumpulan. Pada dasarnya, nilai mengandungi unsur pertimbangan atau pendapat yang menitikberatkan kepada moral baik atau buruk. Nilai banyak bergantung kepada penilaian dan alasan pendapat yang dibuat oleh seseorang. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa nilai memerlukan sokongan pendapat yang menunjukkan sejauh mana kepercayaan seseorang terhadap sesuatu kenyataan yang disampaikan. Nilai dalam pembentukan dasar, umpamanya, ialah dasar yang digariskan, diterima oleh setiap individu dalam sesebuah organisasi (Muhammad, 2007).

Wan Hashim Wan Teh (1998) menyatakan bahawa nilai sebagai sesuatu yang mempunyai faedah dan kepentingan bersama oleh sesuatu benda, yang merupakan idea abstrak yang dikongsi bersama oleh masyarakat. Apa yang ditakrifkan sebagai "nilai baik" atau "nilai buruk", bukan sesuatu yang dilahirkan secara fizikal kerana ia sesuatu yang tidak wujud di hadapan mata (Safiah Karim, 1985); tetapi biasanya dizahirkan melalui tingkah-laku daripada ahli-ahli masyarakat sesuatu budaya itu. Nilai adalah salah satu komponen budaya yang membentuk budaya itu sendiri. Nilai berubah mengikut masa dan juga faktor-faktor persekitaran.

Perubahannya memberi kesan yang sangat mendalam kepada perubahan budaya atau cara hidup sesuatu masyarakat, sebagaimana pendapat Hashim Haji Musa (2008), yang menyatakan bahawa nilai ialah yang menjadi asas pertimbangan bagi seseorang atau sesuatu kelompok manusia untuk menentukan, sama ada sesuatu perkara atau benda itu baik, benar, manfaat, indah, dan diinginkan, serta cuba diperolehi dan dibina; atau sebaliknya, buruk, palsu, berbahaya, dibenci, dan berusaha untuk dijauhi dan dihapuskan. Oleh itu, nilai sangat kuat dalam menentukan sikap, pemikiran, pegangan, pola tindakan, perlakuan, dan pendirian manusia; dan apabila pola nilai itu bersemi di dalam

diri manusia, maka jadilah ia unsur yang membentuk hati budinya.

Penerapan nilai-nilai murni juga mempunyai hubungan dengan kesusasteraan, khususnya karya-karya puisi. Karya puisi bukan sahaja dapat memberi hiburan dan keindahan bahasa, namun dapat membantu mendidik masyarakat untuk mengamalkan unsur-unsur nilai dalam kehidupan. Karya-karya sastera mampu memberi impak yang besar dalam tingkah-laku manusia dengan penggunaan kata-kata indah dan mempunyai unsur deduktif untuk tatapan umum. Dalam konteks ini, bidang sastera merupakan salah satu daripada wadah untuk menerap dan menyerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat, dan seterusnya membentuk peribadi mulia dalam setiap individu. Pengajaran sastera yang baik dan bermakna dari segi pembangunan jiwa masyarakat ialah pengajaran yang menitikberatkan soal nilai-nilai murni, di samping tidak mengabaikan nilai estetik (Shaari, 1997).

Daripada huraian di atas, boleh dikatakan bahawa nilai merupakan suatu proses tingkah-laku yang dapat membentuk perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat. Berpandukan kepada amalan-amalan nilai yang baik, seseorang individu dapat memberi sumbangan dan kepentingan dalam kelompok masyarakatnya. Keruntuhan moral sesebuah masyarakat, antaranya, adalah disebabkan terhakisnya unsur nilai-nilai murni dalam kelompok sosial.

Justeru, bagi menangani permasalahan ini, penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu institusi dalam membina personaliti bagi mengatasi masalah nilai. PLKN ditubuhkan bagi melatih generasi muda, yang bertujuan untuk mengeratkan perpaduan masyarakat dan semangat patriotisme kepada negara. Penggunaan bahan sastera, seperti puisi, dalam salah satu modul PLKN ini diharapkan mampu membentuk sebuah masyarakat yang ideal berlandaskan kepada unsur-unsur nilai murni.

TUJUAN DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini, *pertama*, bertujuan untuk meneliti nilai murni yang terdapat dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*, yang dijadikan teks kepada Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB) dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Sajak-sajak yang dihasilkan oleh penyair-penyair Tanah Air akan dianalisis sebagai suatu wadah kepada proses pembentukan nilai dalam diri dan jiwa pelatih-pelatih PLKN, yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, dan agama yang mampu membina generasi muda, yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara pada masa akan datang.

Kedua, kajian ini juga adalah untuk meneliti unsur-unsur nilai murni yang mempunyai unsur-unsur kesejagatan, yang ditulis oleh para penyair boleh diterima oleh para pelatih yang terdiri daripada pelbagai kaum agar dapat mempertahankan dan mendorong komitmen yang kuat dalam kalangan lapisan masyarakat bagi membolehkan mereka mencorakkan kehidupan yang terkeluar daripada keadaan jumud dan mengukuhkan kestabilan sosial secara bersama-sama dalam masyarakat majmuk ke arah penyatuan dan perpaduan dalam sebuah negara berdaulat dan merdeka.

Berdasarkan dua tujuan kajian tersebut diharapkan penghasilan ciptaan puisi, terutamanya sajak yang terkandung di dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*, dapat dinikmati oleh para pembaca agar dapat mendidik sesuatu nilai yang baik dan dapat dijelmakan dalam kehidupan bermasyarakat di negara ini. Di samping itu, kehidupan yang sempurna akan menuju ke arah kerukunan dalam kehidupan yang aman dan damai antara pelbagai kaum dan keperluan mencintai negara bagi mengekalkan kedaulatan daripada sebarang ancaman kuasa luar dengan berlandaskan kepada amalan nilai-nilai murni.

Kajian ini merupakan suatu penyelidikan yang menganalisis karya-karya sajak di dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*, yang diterapkan berdasarkan kepada penggunaan konsep nilai yang mempunyai hubungkait dengan kajian yang melihat unsur nilai

dalam karya sajak. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan (Merriam, 2009).

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pemilihan bahan adalah berpandukan kepada karya-karya sajak yang terdapat dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*, yang mengandungi 74 buah sajak, yang akan dibaca kesemuanya dengan Teknik Bacaan Rapi (*Close Reading Technique*). Setiap sajak yang dibaca akan dianalisis isi kandungannya (*content analysis*) dengan berlandaskan konsep nilai yang dilihat daripada perspektif Islam, Melayu, dan Barat bagi memperlihat unsur-unsur nilai sejagat dalam karya sajak.

Pemilihan bahan kajian ini adalah selari dengan kajian yang berkaitan dengan penganalisisan unsur-unsur nilai berbentuk sejagat yang terdapat dalam karya sajak tersebut, kerana pelatih di PLKN terdiri daripada pelbagai bahasa, bangsa, dan agama.

MENGENAI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA DAN KONSEP NILAI

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ialah satu program pembinaan sahsiah diri bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional, serta membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini dirangka mengikut acuan dan agenda nasional (dalam <http://www.khidmatnegara.gov.my>, 5/1/2015).

Pendekatan yang digunakan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia, dengan memperkenalkan PLKN, merupakan satu langkah yang bijak dalam meningkatkan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan generasi muda. Mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, remaja berusia 18 tahun ke atas diwajibkan menyertai PLKN dalam usaha memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Program ini merupakan aspirasi negara untuk melahirkan remaja yang dapat memenuhi keperluan negara dalam pelbagai aspek. Ia juga adalah perkongsian dari segi

memenuhi matlamat negara tanpa mengira bangsa, agama, dan budaya. Negara amat memerlukan warganegara yang produktif dan mempunyai rasa kepunyaan terhadap tanah tumpah darah mereka. Untuk menjadi warganegara yang baik, ia tidak akan datang bergolek. PLKN boleh dijadikan sebagai satu landasan dalam pembentukan jatidiri dan identiti bangsa Malaysia yang cemerlang (Sipon, 2004:19-20).

Menyedari betapa pentingnya semangat patriotisme dalam pembinaan generasi muda, falsafah dan kurikulum khidmat negara telah dibentuk dengan tujuan melahirkan generasi muda yang patriotik, berperibadi unggul, dan sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran. Selaras dengan cita-cita tersebut, empat strategi telah digubal untuk mencapainya, iaitu: (1) memperluaskan pengetahuan mengenai kenegaraan; (2) menyuburkan perasaan cinta dan pengorbanan kepada negara; (3) membina kemahiran dan ketahanan mental, emosi, spiritual, dan fizikal bagi menjadi warganegara yang berkesan; serta (4) memberi pengalaman perkhidmatan sukarela (<http://www.khidmatnegara.gov.my>, 5/1/2015).

Selaras untuk mencapai keempat-empat strategi tersebut, PLKN telah dibentuk dengan mengintegrasikan aspek pengetahuan atau kognitif, perasaan atau afektif, serta kemahiran dan pengalaman atau psikomotor (Ali Embi, 2009). Pengenalan PLKN adalah sebagai permulaan satu agenda nasional untuk melatih remaja Malaysia, supaya mereka menjadi generasi pewaris yang lebih cemerlang dari generasi hari ini.

Mengenai Konsep Nilai. Ibnu Khaldun, seorang tokoh Islam yang terkenal, telah menyatakan bahawa idea ataupun nilai bertindak sebagai pengaruh sebab-akibat kelakuan manusia. Pada pandangan tokoh Islam ini, tindakan tahap pertama dalam proses pemikiran adalah yang terakhir. Manusia dibezakan daripada haiwan melalui kegiatan tertentu. Manusia dapat belajar daripada pengalaman; mereka dapat mengetahui baik buruk, dan apa yang wajar dilakukan dan apa yang tidak wajar


dilakukan. Dia dapat menganggap perkaitan sebab-akibat dalam kalangan benda dan dapat membezakan yang rasional daripada yang tidak rasional, serta cara yang terbaik daripada banyak cara (dalam Faghirzadeh, 2008).

Hassan Langgulung (1990) pula berpendapat bahawa penerapan nilai-nilai adalah bertujuan untuk membentuk masyarakat soleh yang percaya bahawa ia mempunyai risalah untuk manusia, iaitu keadilan, kebenaran, dan kebaikan. Risalah ini kekal selama-lamanya. Usaha perlu ditumpukan kepada memperkembangkan nilai-nilai, sikap, dan tingkah-laku pembangunan dalam kalangan individu dan kelompok masyarakat. Kesedaran tentang kewujudan manusia, makhluk-makhluk lain, dan alam ini mendorong manusia mendapatkan ilmu pengetahuan bagi mengetahui beban tanggungjawabnya untuk memelihara keseimbangan alam dan tanggungjawab sesama manusia terhadap tuhan (Langgulung, 1990).

Dalam konteks kajian ini, konsep nilai dapat dilihat daripada perspektif Islam, Melayu, dan Barat. Terdapat beberapa sistem nilai yang ada pada ketiga-tiga perspektif ini bersesuaian, lantas ia mewujudkan sistem nilai yang universal atau sejagat. Nilai-nilai ini akan dijadikan asas untuk menganalisis teks *Antologi Puisi Tanah Airku*. Ini dapat dilihat dalam rajah 1.

Berdasarkan nilai-nilai murni berteraskan kepada perspektif Islam, Melayu, dan Barat, maka lima nilai murni yang sejagat sifatnya telah dijadikan sandaran untuk menganalisis teks *Antologi Puisi Tanah Airku*, iaitu: nilai patriotisme, perpaduan, kekeluargaan, kerajinan, dan nilai luhur lain, yang relevan dengan kajian ini. Nilai-nilai sejagat ini dipilih atas dasar kesesuaian dengan budaya rakyat Malaysia, yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi bangsa, agama, budaya, dan warna kulit.

Walaupun negara ini mempunyai masyarakat majmuk, namun begitu dalam penerapan dan penanaman nilai-nilai melalui institusi pendidikan, semua nilai sejagat yang dipilih ini akan dipelajari dan diterapkan kepada pelajar-pelajar sekolah di



Rajah 1:
Gabungan Tiga Nilai daripada Perspektif Islam, Melayu, dan Barat

negara Malaysia. Oleh itu, pemilihan lima nilai sejagat yang dipilih adalah bersesuaian dan bertepatan dalam konteks kajian ini.

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM ANTOLOGI PUISI TANAH AIRKU

Dalam meneliti unsur nilai murni yang terdapat dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*, Program Penghayatan Sastera dan Budaya dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan. Sajak-sajak yang dihasilkan oleh penyair-penyair terkenal Tanah Air akan dilihat sebagai suatu wadah kepada proses pembentukan nilai dalam diri dan jiwa pelatih-pelatih PLKN, yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, dan agama yang mampu membina generasi, yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara, sepertimana yang disarankan oleh Islam, iaitu cinta kepada *watan* atau Tanah Air.

Pelbagai unsur nilai-nilai sejagat dapat ditemui dalam puisi-puisi yang dikarang, antaranya nilai patriotisme, perpaduan, kekeluargaan, kerajinan, dan nilai luhur. Antara unsur nilai "patriotisme" dapat dilihat seperti dalam puisi "31 Ogos dalam Cinta" karya B. Jamdin (2005), yang menyuarakan tentang kemerdekaan Tanah

Air, yang memberi seribu makna kepada rakyat bagi mengharungi kehidupan yang mendatang, seperti dalam bicaranya:

31 Ogos kembali lagi
mendekap rasa
mendebar cinta.

Nelayan-nelayan, petani
yang pernah terbakar
bangun dalam sinar pagi
bersama tulan dan isi.

Hari ini
mereka penuh tawa
sampai di puncaknya (Jamdin, 2005:100).

Melalui puisi A. Wahab Ali yang bertajuk "Tanah Airku" (2005), penyair menyatakan bahawa segala isi alam yang terkandung di buminya adalah miliknya mutlak dan tiada siapapun (anasir luar) yang boleh menghampirinya, seperti dalam ucapannya:

tanah airku
langit dan bumimu
adalah milik mutlakku
jangan hampir padanya!

tanah airku
laut dan udaramu
adalah milik mutlakku
jangan hampir padanya! (Ali, 2005:56).

Kedua-dua penyair telah menggarap unsur kasih dan sayang yang tidak terhingga terhadap Tanah Air tercinta. Semangat patriotisme jelas terpancar melalui bait-bait puisi yang ditulis. Kemerdekaan Tanah Air dari cengkaman penjajah telah memberi sinar kehidupan baharu kepada rakyat. Semangat kecintaan juga dapat dilihat dengan menganggap bahawa Tanah Air ini sebagai hak milik mutlak penyair, dengan tidak mengizinkan sebarang anasir luar untuk cuba mendekati Tanah Air tercinta ini.

“Perpaduan” merupakan salah satu daripada unsur nilai yang sangat penting dalam konteks Malaysia, yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Keamanan dan kemakmuran negara akan terjelma dengan wujudnya semangat perpaduan dalam kalangan kaum. Sehubungan itu, A. Samad Said dalam puisi “Hidup Bersama” (2005), mengungkapan seperti berikut:

Tanah air memberi banyak, mesra mendakap kita
kemerdekaan mendorong kita berdiri dan berbakti.

Dan kita sudah sampai di lereng indah, pasti
tetap mendaki juga, menyanggah musuh,
menambah kawan tanpa jenuh, khuatir,
juga tanpa rawan.

Dan dalam alaf baru semangat kita wajar padu,
berjalan kita atas nama tanah air dan bangsa -
bangga kerana merdeka, megah kerana bahagia.

Anak-anak kita bakal datang tangkas dan berilmu;
dan kita, dalam sejarah, bakal syahdu dan bangga,
kerana awan yang indah, lapis pelangi lebih mesra.

Wajah diri dan inti peribadi kita tunjang bagi
kehidupan dan kemerdekaan bangsa yang sentiasa
sedia belajar mengerti dan tekun hidup bersama
(Said, 2005:49).

Sifat patriotisme penyair juga dapat dikesan pada rangkap-rangkap lain dalam sajak “Lagu Cinta Tanah Air” karya Anis Sabirin (2005). Kekayaan sumber alam menjadi inspirasi utama dalam menghasilkan sajak ini. Penyair menggambarkan negara ini umpama permata yang dapat dilihat sebagai sebuah negara yang mempunyai hasil pendapatan yang banyak. Sumber yang banyak ini merupakan harta dan khazanah alam yang dianugerah oleh Tuhan kepada warga Malaysia. Penyair meluahkan:

Oh Malaysia, tanah airku
negara indah yang diberkati
kilau kemilau seperti permata gemilang
tumpuan kasih dan baktimu seumur hidup
kulihat bukit biru tersergam
dan sungai mengalir dengan tenang (Sabirin, 2005).

Dalam puisi “Harapan”, Mahaya Mohd Yassin (2005) telah mengutarakan soal semangat dan keazaman untuk golongan muda meneruskan langkah-langkah jitu dalam menghadapi kehidupan. Harapan penyair telah digambarkan melalui ungkapan:

Tapak demi tapak diatur
menderap menangkah azam
adalah sebuah sinar harapan
saksi sumpah setia anak warisan.

Biar gantian musim mencatatkan
jiwa-jiwa murni merestui
perjalanannya seberani suatu kebangkitan
demi kebahagiaan dan kegemilangan semua
(Yassin, 2005: 117).

Seterusnya, penyair yang sama, Mahaya Mohd Yassin (2005), telah mengharap agar para belia sentiasa membina satu pendirian dan berkeyakinan yang padu dan utuh serta bersemangat selagi hidup di kandung badan. Penyair tersebut menyuarakan dalam “Seruan”, seperti berikut:

Mari
membina satu pendirian
daripada segala keluh kesah dan getar rasa
daripada semu seru yang mendebui jalanan.

Mari
mendirikan keyakinan yang padu dan utuh
daripada setiap keputaran dan kematian
daripada segenap luka calar yang membekam.

Bahawa hidup atas keringat dan nafas
perlu menjunjung hati yang rela
bahawa hak yang diwariskan
penyerinya kuntum bakti dan perjuangan.

Dan yang mengalir bersama darah di saraf
adalah semangat gigih turunan zaman
sampai bila-bila
kebahagiaan belum mati (Yassin, 2005:118).

Manakala unsur nilai seterusnya yang dapat dilihat adalah soal “kekeluargaan”. Dalam perbincangan ini, sifat kekeluargaan

juga perlu diterap dalam kehidupan masyarakat agar golongan muda ini tidak akan lupa dari mana asal-usul mereka dan kepayahan ibu bapa membesarkan anak. Dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*, sajak "Anakku, Kita Mesti Cepat Pulang" karya Hashim Yaacob (2005), berbunyi seperti berikut:

Rehatkan tubuhmu anak, yang rapuh
Keribaan emak, kelak
Kebah panas demammu.

Tidurlah anak
Jangan kau gusar pada gelap malam
Berbendungkan bantal kasih emak.

Dan selimut sayang, lenalah
Mimpikan bahagia, walau di dunia
Sengsara dan seksa (Yaacob, 2005:97).

Dalam "Pulang", nukilan Adi Badiozaman Tuah (2005), penyair telah mencoretkan tentang dirinya di perantauan. Dalam ingatan kenangan kampung halaman, keluarga dan sahabat handai yang jauh di mata, akhirnya kepulangan ke tempat asal-usulnya tiba. Selain dirinya, penyair juga mengharapkan khalayak yang jauh di perantauan agar pulang ke tempat asal mereka. Penyair menceritakan dalam bait-bait berikut:

Semusim kukembara
sesaat teringat pertemuan di hujung musim
seakan matamu berkata
rerambut hitammu berbisik
hatimu menyanyi:
kawan
terbanglah bersama beburung di gunung
menarilah bersama
riak ombak di laut.

Kini aku mengerti
padi menguning melambai pulang
air kali berkocak rindu
seruling senja sayu berlagu:
pulang anak kembara, pulang
pulang pulang anak kembara, pulang (Tuah, 2005:57).

Kajian terakhir pengkaji adalah melihat tentang "nilai luhur" yang cuba diterapkan dalam karya-karya puisi. Perwatakan positif ini dapat dinyatakan seperti tidak menyukai peperangan yang ditemui dalam puisi "Kita Katakan Tidak", karya Rahman

Shaari (2005). Sajak ini mengajak khalayak agar membenci peperangan, kerana dengan peperangan, manusia akan menjadi sombong dan tamakkan kuasa. Gambaran ini dapat dilihat melalui ungkapan:

Kita katakan tidak
ketika wajah anak-anak
menerpa ke mata
akal terang menolak saranan perang

Kita katakan tidak dengan kepenuhan suara
kerana kita terbaca
selerakan sengsara
dimanakah mesra manusia
apabila nista menjadi mulia
korban seksa pembangkit bangsa?

Lihatlah
kesombongan kian membesar
kemanusiaan hilang akar.

Kita katakan tidak kepada perang
ketika manusia bermata lara
berduyun ke mata kita
bagaimana kau di sana? (Shaari, 2005:126).

Seterusnya, penerapan nilai positif yang dapat ditemui oleh pengkaji didalam *Antologi Puisi Tanah Airku* adalah tentang manusia yang menghargai masa. Sesungguhnya, dalam pepatah Melayu menyatakan bahawa "masa itu emas". Manusia yang menghargai masa akan beruntunglah hidupnya (Haji Musa, 2008). Dalam konteks ini, karya puisi Roslani Ashikin, yang berkaitan dengan kepentingan masa dalam "Masa" (2005), antaranya mengungkap seperti berikut:

Oh ... masa
Kamu berdetik setiap ketika
Kamu seolah racun yang bisa
Percaturan hidup kamu membinasa.

Bila kukenang masa yang lalu
Yang telah jadi sebuah buku
Berbagai-bagai hal tanah berlaku
Rasa menggeletar perasaanku (Ashikin, 2005:134-135).

KESIMPULAN

Kajian ini telah memperlihatkan unsur nilai murni berdasarkan dan berpandukan tiga perspektif nilai, iaitu: Islam, Melayu, dan Barat, yang digabungkan menjadi nilai sejagat (universal) yang boleh dijadikan

pegangan generasi muda, yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama, kerana lima elemen nilai ini terdapat dalam kehidupan seharian semua golongan etnik tersebut. Selain itu, nilai-nilai yang diperolehi ini boleh menjadi panduan untuk mereka memajukan diri, dan seterusnya berjasa kepada bangsa dan negara.

Secara keseluruhannya, sajak-sajak yang dipilih melalui *Antologi Puisi Tanah Airku* mempunyai kekuatan tersendiri untuk ditonjolkan kepada generasi muda bagi menerapkan nilai-nilai dan pengajaran yang baik ke dalam diri dan jiwa mereka. Jiwa muda yang disulami dengan nilai-nilai yang baik, secara tidak langsung, akan memberi impak yang sangat berguna kepada kehidupan golongan muda ini. Bukan sahaja kepada diri sendiri, malahan keluarga, bangsa, dan negara juga mendapat aset serta impak yang berguna di kemudian hari.

Justeru, karya kreatif seperti sajak, novel, cerpen, drama, dan sebagainya wajar dijadikan modul dalam cabang program pengajian dan kursus yang dilalui oleh generasi muda, agar mereka dapat memahami diri mereka sendiri sebagai warganegara yang bertanggungjawab terhadap agama, bangsa, keluarga, dan negara. Di sinilah tempat mereka berpijak dan tidak akan ke mana lagi. Oleh itu, sayangi negara Malaysia dan setiap penghuninya, iaitu manusia, flora, dan faunanya.¹

Referensi

- Ali, A. Wahab. (2005). "Tanah Airku" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Ali Embi, Muhamad. (2009). *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ashikin, Roslani. (2005). "Masa" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].

¹*Kenyataan*: Saya mengaku dan membuat kenyataan bahawa kertas ini adalah hasil karya saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang mana-mana saja saya petik dan dimaklumkan sumbernya. Jadi, kertas ini bukanlah dapatan daripada amalan plagiarisme. Kertas ini juga belum pernah direviu dan belum diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik.

- Faghirzadeh, Saleh. (2008). *Sosiologi*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn Bhd.
- Haji Musa, Hashim. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran ke-21*. Serdang: Penerbit UPM [Universiti Putra Malaysia].
- <http://www.khidmatnegara.gov.my/> [diakses di Besut, Malaysia: 5 Januari 2015].
- Jamdin, B. (2005). "31 Ogos dalam Cinta" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Langgulong, Hassan. (1990). *Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbitan UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementations*. San Francisco: Jossey Bass.
- Muhammad, Jaafar. (2007). *Kelakuan Organisasi*. Petaling Jaya: Leeds Publications (M) Sdn Bhd.
- Sabirin, Anis. (2005). "Lagu Cinta Tanah Air" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Safiah Karim, Nik. (1985). "Ke Arah Mencari Nilai Bersama Masyarakat Malaysia: Asas-asas Nilai Sosial Melayu". *Kertas Kerja* dalam Seminar Ijazah Tinggi. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu UM [Universiti Malaya].
- Said, A. Samad. (2005). "Hidup Bersama" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Shaari, Rahman. (1997). *Penilaian dan Penghayatan Sastera*. Selangor: Marwilis Publisher.
- Shaari, Rahman. (2005). "Kita Katakan Tidak" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Sipon, Sapora. (2004). "Keperluan PKN dalam Pembinaan Bangsa Malaysia" dalam akhbar *Utusan Malaysia*, ms.19-20.
- Tuah, Adi Badiozaman. (2005). "Pulang" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Wan Teh, Wan Hashim. (1998). *Pengenalan Nilai dan Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaacob, Hashim. (2005). "Anakku, Kita Mesti Cepat Pulang" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Yassin, Mahaya Mohd. (2005). "Harapan" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].
- Yassin, Mahaya Mohd. (2005). "Seruan" dalam *Antologi Puisi Tanah Airku*. Tersedia online juga di: <http://www.khidmatnegara.gov.my/peserta/modul> [diakses di Besut, Malaysia: 2 Januari 2015].